

KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA (National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org / nutphq@gmail.com Laman Web: <http://www.nutp.org>

f : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

Presiden

Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak

Setiausaha Agung

Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK

KENYATAAN AKHBAR

**Kepada : Ketua Pengarang
Semua Akhbar dan Media Tempatan**

**Daripada : Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK
Setiausaha Agung
NUTP**

Telefon Bimbit : 0126358065


Tarikh : 1 Jun 2018

ISU KERJA TIDAK BERBALOI – SKPMg2

NUTP ingin merujuk kepada kenyataan media Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) penjelasan berkaitan Pelaksanaan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) pada 31 Mei 2018 yang memaklumkan kekeliruan berlaku disebabkan ketidaktahuan terhadap beberapa perkara iaitu :

- i) Tidak jelas berkaitan dokumen yang perlu dibawa untuk diaudit. Evidens yang sepatutnya dibawa hanyalah merupakan dokumen pengurusan sedia ada terpilih sahaja;
- ii) Tidak jelas tentang evidens yang menyebabkan guru diminta menyediakan evidens baharu yang membebankan pihak guru, sedangkan evidens yang diaudit hanyalah merupakan dokumen pengurusan sedia ada yang disediakan oleh pihak sekolah dari semasa ke semasa.

.../2/



KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA (National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org / nutphq@gmail.com Laman Web: <http://www.nutp.org>

f : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

Presiden

Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak

Seliasaha Agung

Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK

-2-

Sehubungan dengan itu, NUTP juga mendapati banyak aduan dari ahli-ahli NUTP mengenai kerja yang tidak mendatangkan hasil kepada pengajaran dan pembelajaran serta menyebabkan kurangnya 'face-time' dengan klien-klien (murid sekolah). Salah satu daripada isu tersebut, NUTP dapati banyak menerima kritikan adalah isu SKPMg2. Guru juga bukan anti kecemerlangan atau anti pelaporan tetapi anti kerja yang melarikan 'Core Business' mereka.

Matlamat utama SKPM sejak diperkenalkan pada tahun 2003 sehingga tahun 2010 adalah untuk membuat 'ranking' sekolah khasnya untuk memilih serta memberi Sekolah Baik, Sekolah Berprestasi Tinggi dan Sekolah Kluster.

Dalam pengisian maklumat yang diperlukan oleh SKPM pada masa tersebut adalah secara 'online' dan 'offline'. Pada tahun 2017, matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) supaya tidak lagi diberi perhatian yang serius terhadap pencapaian akademik serta tidak memberi penekanan kepada pencapaian 'A' kepada murid-murid.

Isu SKPMg2 menjadi topik dan menjadi pertanyaan serta perbualan ramai Pentadbir dan guru-guru di sekolah iaitu apakah tujuan/matlamat SKPMg2 ini dilaksanakan? Menjadi persoalan pentadbir juga, adakah data kerja-kerja mereka perlu disediakan secara khas untuk Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK), KPM sedangkan datanya sudah sedia wujud dan berada di beberapa sistem yang dibangunkan oleh KPM.

CONTOH

- i) Pengetua/Guru Besar (PGB) diminta untuk mengisi data mengenai isu Latihan Sumber Manusia di sekolah oleh JNJK, KPM sedangkan maklumat ini boleh diperolehi dari Sistem Pendidikan Latihan Guru (SPLG)
- ii) JNJK, KPM memerlukan data mengenai pengajaran bagi mata pelajaran dari jadual waktu sedangkan mereka boleh merujuk kepada e-Operasi.

.../3/



KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA (National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org / nutphq@gmail.com Laman Web: <http://www.nutp.org>

f : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

Presiden

Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak

Setiausaha Agung

Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK


-3-

- iii) Sekiranya Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) tidak dijalankan, maklumat ini boleh didapati dari portal KPM, di mana ibu bapa atau masyarakat akan mengemukakan aduan dan sekiranya memerlukan lebih lagi data atau maklumat, boleh juga didapati dari Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) atau Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).
- iv) Bagi isu disiplin dan masalah boleh didapati dari Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM).
- v) Data aktiviti dan pencapaian Ko-kurikulum murid juga boleh didapati dari sistem Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Ko-kurikulum (PAJSK).
- vi) PGB sentiasa mengemukakan laporan kepada JPN mengenai Keselamatan dan Kebersihan Sekolah dibawah seliaan mereka.
- vii) Di peringkat sekolah dari guru, Ketua Panitia, Guru Kanan Matapelajaran, Guru Penolong Kanan dan PGB bekerja sebagai satu pasukan dalam menyediakan Pelan Strategik/Perancangan, Pelan Taktikal dan Pelan Operasi. Mereka juga dari semasa ke semasa membuat penilaian dan mengisi banyak borang sepanjang tahun.

Berdasarkan perkara-perkara seperti di atas, JNJK boleh mendapatkan segala data atau maklumat ini dengan lebih mudah dan senang sahaja. Pihak NUTP juga menerima banyak isu yang dibangkitkan antaranya:

- i) Kenapa JNJK, KPM memerlukan guru-guru mengisi markah untuk kerja mereka?
- ii) Mengapakah JNJK, KPM perlu membuat penilaian secara langsung sebanyak 3 kali setahun?

.../4/



KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA (National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org / nutphq@gmail.com Laman Web: <http://www.nutp.org>

f : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

Presiden

Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak

Setiausaha Agung

Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK

-4-

Sedangkan JNJK, KPM boleh membuat penilaian setiap hari atau pada bila-bila masa sahaja kerana telah didatangkan dalam sistem-sistem ICT yang telah dibangunkan dan yang mana sistem ini juga telah dibuat penambahbaikan.

Jika merujuk kepada peranan utama JNJK, KPM yang didapati di laman web Kementerian Pendidikan Malaysia yang mana JNJK merupakan organisasi tertutup yang dikenali sebagai Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (JNSP) dan selepas itu dikenali sebagai Jemaah Nazir Sekolah (JNS) pada tahun 1996. JNS ditukarkan kepada Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) pada tahun 2008 apabila penstrukturan Kementerian Pelajaran dibuat.

JNJK, KPM mencerminkan dan tugas utama mereka adalah sebagai pengawal kualiti pendidikan. JNJK, KPM juga merupakan Badan Pemastian Standard Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang mana memainkan peranan yang penting dalam memastikan Kualiti Pendidikan di Malaysia berada dalam tahap yang disasarkan.

Peranan ini juga perlu dilaksanakan secara optimum bagi memastikan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mencapai aspirasi sistem pendidikan Negara berada pada landasan yang sepatutnya khusus di peringkat sekolah.

Akta Pendidikan (1996) dengan tegas dan jelas mengenai peranan ini sebagaimana yang dicatatkan dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) di bawah subsekyen 117(a) yang memperuntukkan tanggungjawab kepada Ketua Nazir Sekolah untuk memastikan taraf pengajaran yang memuaskan diwujudkan dan dikekalkan di intitusi pendidikan.

NUTP berpandangan berdasarkan peranan utama JNJK, KPM adalah memantau agar guru-guru menjalankan tugas mereka disekolah dan JNJK, KPM juga sepatutnya turun padang dan memberi perhatian kepada berlakunya aktiviti-aktiviti dan bukannya memberi tekanan terhadap pelaporan yang perlu disediakan.

.../5/



KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA
(National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org / nutphq@gmail.com Laman Web: <http://www.nutp.org>

f : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

Presiden

Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak

Setiausaha Agung

Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK

-5-

Guru-guru di sekolah perlu menganggotai banyak jawatankuasa seperti AJK HEM, AJK LADAP, AJK Kebersihan Kantin, AJK Denggi, AJK Disiplin Sekolah dan sebagainya. Ini bermakna guru-guru berada diperingkat akar umbi dan memberikan data-data kepada pentadbir di mana mereka akan mengemukakan data tersebut kepada pihak yang memerlukannya.

Semua kerja-kerja tersebut telah dilakukan dan telah pun dimasukkan dalam sistem-sistem yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Guru-guru di sekolah kini amat tidak faham, kenapa pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa meminta data atau maklumat sedangkan tugas utama mereka bukan mengisi borang tetapi 'MENGAJAR'.

Oleh yang demikian, NUTP amat berharap Kementerian Pendidikan Malaysia dapat melihat semula kerja-kerja yang tidak berbaloi dan mengembalikan 'face-time' guru dengan klien (murid).

NUTP juga berharap kenyataan NUTP ini diketahui oleh Pengurusan Tertinggi KPM dan berharap mereka memahami akan masalah yang dihadapi oleh guru-guru terhadap beban kerja yang dipikul oleh mereka. Selain itu juga, berharap kenyataan ini tidak disampaikan oleh pihak ketiga kerana boleh mengundang atau mendatangkan pelbagai spekulasi antaranya guru akan dikenali sebagai guru yang pemalas serta tidak mahu membuat kerja-kerja pelaporan ini.

(HARRY TAN HUAT HOCK, PJK)
SETIAUSAHA AGUNG
NUTP